



Tujuh rumah panjang antara penerima Projek Kampung Angkat MADANI di

SS Admin

24 jam lepas

SARAWAK, UTAMA

24 jam lepas

Facebook

Twitter

LinkedIn

WhatsApp

Telegram

JOM BACA E-PAPER SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE PERCUMA SEAWAL 2 PAGI SETIAP HARI. [KLIK SINI](#)

KUCHING: Sebanyak tujuh rumah panjang dan masing-masing sebuah sekolah rendah dan kolej vokasional di daerah Lubok Antu serta Betong menerima manfaat daripada Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Majlis penyerahan projek berkenaan disempurnakan oleh Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad, di Sekolah Kebangsaan Nanga Tebat, Lubok Antu, kira-kira 250 kilometer dari sini, hari ini.

“Projek KAM yang bermula pada Mac 2024 ini bertujuan meningkatkan kemudahan asas dan memperbaiki infrastruktur di kawasan luar bandar sekali gus merapatkan jurang antara desa dan bandar,” menurut kenyataan JANM.

Selain SK Nanga Tebat, penerima projek ini terdiri daripada Kolej Vokasional Betong, Rumah Panjang (Rh) Entebang Nanga Belaie, Rh Liman Legan Nanga Entalau, Rh Gaerddrick Lidong Asal, Rh Jelanie Nanga Darai, Rh Mulok Nanga Kujuh, dan Rh Unya Jambu Lalang.

Projek ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf seperti pemasangan lampu solar, pam air, pembaikan bumbung dan pembinaan pagar serta kemudahan sukan di sekolah dan kolej vokasional berkenaan.

Dalam ucapan perasmianya, Nor Yati menyentuh tentang pentingnya kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan dalam menyelesaikan masalah infrastruktur di kawasan luar bandar.

Beliau memuji kejayaan pelaksanaan projek ini yang telah mencapai kemajuan memberangsangkan.

Program ini juga bertujuan meningkatkan kualiti hidup penduduk desa, memperkasakan ekonomi setempat, dan memastikan akses yang lebih baik kepada kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan. – BERNAMA